

DATE: 08/04/2008

BPR beri penjelasan isu Dr M hari ini

BH

- 8/4/2008

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) dijangka mengadakan sidang media hari ini berhubung dakwaan campur tangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam siasatan kes yang dikendalikan badan berkenaan ketika menjadi Perdana Menteri.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk Abu Kassim Mohamed, berkata perkara itu perlu bagi menjelaskan pelbagai persoalan yang timbul selepas beberapa pihak tampil mendesak supaya pihaknya membuat tindakan susulan.

"Kamu akan dapat jawapannya esok (hari ini), bukan sekarang sebab ada beberapa perkara lagi yang perlu disahkan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau menyerahkan kepada BPR untuk menyiasat dakwaan campur tangan Dr Mahathir dalam pentadbiran badan kehakiman negara.

Malah, Abdullah berkata, kerajaan tidak akan tutup mata atau tidak melindungi bekas Perdana Menteri itu jika terbukti pernah melakukan penyalahgunaan kuasa sepanjang 22 tahun memerintah negara.

Desakan itu dibuat bekas Repertoir Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Kebebasan Hakim dan Peguam, Datuk Param Cumaraswamy meminta siasatan dibuat terhadap Dr Mahathir yang didakwa campur tangan dalam siasatan BPR apabila beliau pernah mengarahkan satu fail ditutup.

Perkara itu dinyatakan Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya ketika memberi keterangan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Ariffin Jaka dalam satu perbicaraan kes tuduhan liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jun 2000.

Selain itu, pemimpin pembangkang seperti Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan Pengerusi Gerak Demokrasi dan Anti Korupsi Malaysia (Gerak), Mohamad Ezam Mohd Nor juga membuat desakan sama.

Sementara itu, Pengarah Siasatan BPR, Datuk Shukri Abdull memaklumkan kes membabitkan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri pada 1998 disiasat secara menyeluruh tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Beliau berkata, berdasarkan rekod, didapati BPR juga mengemukakan kertas siasatan lengkap dengan keterangan pelbagai pihak itu ke pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

"Pemeriksaan yang dilakukan menunjukkan fail kes berkenaan lengkap dan siasatan dijalankan secara menyeluruh.

"Bagaimanapun, selepas diteliti pejabat Peguam Negara didapati hasil siasatan dan keterangan dilaksanakan tidak kukuh untuk kes itu dibawa ke mahkamah," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan bahawa kertas siasatan itu ditutup atas arahan Dr Mahathir, Shukri berkata, jawapan kepada persoalan itu hanya dapat diberi Shafee sebagai pihak yang bertanggungjawab ketika itu.

"Bagi saya, BPR sudah melaksanakan tugas dengan baik tanpa dipengaruhi mana-mana pihak," katanya.